



**JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
SEBUT HARGA NO. UKAS/04/2025**

**KERJA-KERJA PENGGANTIAN KARPET DI RUANG PEJABAT UNIT
KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS) SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN
DI KOMPLEKS SETIA PERDANA 2 (SP2), KOMPLEKS PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN, JABATAN PERDANA MENTERI (JPM),
62502, PUTRAJAYA.**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G3 (Bumiputera), Kategori B, Pengkhususan B07 dan B28**. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang beralamat di **WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA dan KUALA LUMPUR** sahaja dibenarkan menyertai kerja-kerja sebut harga ini.
2. Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN pada 4 JUN 2025 (RABU), jam 10.00 pagi di ARAS 1, UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA, SETIA PERDANA 2.** Dokumen Sebut Harga adalah **PERCUMA** dan boleh diperolehi di **SEKSYEN KHIDMAT PENGURUSAN, UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** pada **4 Jun 2025 (RABU).**
3. Pihak kontraktor yang berminat hendaklah membawa sijil pendaftaran PPK, SPKK & STB serta kad pengenalan **PENAMA** dan memastikan sijil-sijil berkenaan masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup tender. Hanya **PENAMA** yang tercatat didalam Sijil PPK, SPKK dan STB yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam Sijil PPK, SPKK dan STB.
4. Bagi lawatan tapak dan taklimat ini, pihak kontraktor yang berminat diingatkan supaya hadir **30 MINIT LEBIH AWAL** dari waktu yang ditetapkan untuk memastikan proses saringan dan pendaftaran berjalan dengan lancar sebelum sesi taklimat & lawatan tapak bermula.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan kepada sebelum memasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA di SEKSYEN KHIDMAT PENGURUSAN, ARAS 2, UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari, **18 JUN 2025 (RABU).**

**KETUA PENGARAH
UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS)
JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)
ARAS 2-6, SETIA PERDANA 2,
KOMPLEKS SETIA PERDANA,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62502, PUTRAJAYA**

Tarikh : 28 MEI 2025



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA

HARGA INDIKATIF JABATAN

TAJUK PEROLEHAN

**KERJA-KERJA PENGGANTIAN KARPET DI RUANG PEJABAT
UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS) SERTA LAIN-LAIN
KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS SETIA PERDANA 2 (SP2),
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
JABATAN PERDANA MENTERI (JPM), 62502, PUTRAJAYA.**

NO. SEBUT HARGA

UKAS/04/2025

ANGGARAN HARGA JABATAN

RM999,600.00